

25 SEP 2001

Myanmar-Perjanjian

MALAYSIA DAN MYANMAR TANDATANGAN PERJANJIAN

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Myanmar hari ini menandatangani dua perjanjian untuk meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pelancongan dan pertukaran maklumat.

Majlis menandatangani perjanjian kerjasama pertukaran maklumat dan memorandum persefahaman mengenai pelancongan itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Myanmar Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara Jen Kanan Than Shwe.

Malaysia diwakili Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob sementara Menteri di Pejabat Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara Myanmar Brig Jen Abel menandatangani bagi pihak Myanmar untuk kedua-dua perjanjian.

Terdahulu, ketibaan Than Shwe di Jabatan Perdana Menteri di sini disambut Dr Mahathir dan beliau telah ditunjukkan pemandangan Putrajaya dari atas bangunan jabatan itu.

Kedua-dua pemimpin kemudian mengadakan perbincangan di pejabat Dr Mahathir selama kira-kira sejam sebelum menghadiri mesyuarat dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu bahawa kedua-dua kerajaan telah membincangkan pelbagai perkara mengenai cara meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan.

Beliau berkata Myanmar telah menyatakan harapan supaya lebih banyak syarikat Malaysia akan melabur di negara itu terutama dalam sektor minyak, gas, kertas dan pulpa.

"Kami juga membincangkan isu global semasa terutama kesan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan perlunya negara Asean bekerjasama rapat dan tidak bergantung kepada satu pasaran," katanya.

Mengenai politik, Syed Hamid berkata Dr Mahathir telah menyatakan kegembiraannya yang pemerintahan tentera Myanmar telah menunjukkan pelbagai kemajuan ke arah memulihkan demokrasi di negara itu.

Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa menekankan bahawa pengembalian demokrasi di Myanmar harus dilakukan secara berperingkat sesuai dengan perkembangan politik di negara itu.

"Sebagai negara anggota Asean, kita mahu melihat Myanmar bergerak ke arah arus perdana dan tidak menimbulkan masalah berhubung persoalan mengenai senario di negara itu," katanya.

-- BERNAMA

AKT AHH RON